



K E M E N T E R I A N K E R J A R A Y A

KENYATAAN MEDIA

PROJEK MENAIK TARAF DAN PEMULIHARAAN MAHKAMAH TINGGI PULAU PINANG BUKTI KERAJAAN CAKNA KEPENTINGAN WARISAN

GEORGETOWN, PULAU PINANG – Demi memastikan kesinambungan serta kelestarian warisan negara, Jabatan Kerja Raya (JKR) menggalas tanggungjawab memulihara dan memelihara bangunan bersejarah dalam Malaysia. Projek Menaik Taraf Dan Pemuliharaan Mahkamah Tinggi Pulau Pinang ini membuktikan kepesatan negara tidak menjejaskan sebarang warisan dan nilai sejarah, malah Malaysia memastikan pembangunan infrastruktur dilaksanakan secara bijaksana, berkesan, dan mampan bagi manfaat generasi masa depan.

YB Datuk Seri Ahmad Maslan, Timbalan Menteri Kerja Raya mengetuai tinjauan kerja bersama-sama Ketua Pengarah Kerja Raya, Pengarah Kerja Raya Pulau Pinang dan Pengarah Mahkamah Negeri Pulau Pinang ke Mahkamah Tinggi Pulau Pinang hari ini.

Mahkamah Tinggi Pulau Pinang ini merupakan salah satu faktor utama dalam pengiktirafan George Town sebagai tapak warisan dunia oleh Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) pada 7 Julai 2008. Mahkamah yang dibina seawal tahun 1883 ini dilindungi di bawah Akta Bendapurba 1976 dan kini berada di bawah bidang kuasa Jabatan Warisan Negara di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645).

Sejajar dengan usianya, bangunan warisan ini dilaporkan mengalami beberapa masalah termasuk kebocoran bumbung, kesan anai-anai, kelembapan dan tumbuhan kulat serta tompokan air yang terdapat di beberapa bahagian. Justeru, proses menaik taraf dan pemuliharaan yang sedang dilaksanakan akan mengekalkan keaslian binaan sebanyak mungkin, membaik pulih bagi memastikan keselamatan pengguna dan menambah beberapa fasiliti yang diperlukan bagi menjamin kemampan keperluan di masa hadapan. Beberapa nilai teknikal yang perlu diberi perhatian adalah seperti berikut:

- a. Bangunan Mahkamah Tinggi Pulau Pinang ini terdiri daripada bangunan dua (2) tingkat yang menempatkan lima (5) buah Bilik Bicara, serta dibina secara simetrikal bersama dengan anjung sebagai pintu masuk utama;
- b. Mempunyai nilai seni bina yang sangat bernilai iaitu *High Renaissance Paladian Style* yang mempunyai ciri-ciri tersendiri;

- c. Reka bentuk terperinci dengan nilai esketika dapat dilihat pada empat (4) kubah berbentuk bawang kecil seperti hasil seni bina dari *medival* *romanesque* dan satu (1) kubah utama;
- d. Reka bentuk fasad bangunan ini mempunyai unsur-unsur seni bina Yunani yang jelas dapat dilihat di reka bentuk tiang *Doric* dan *Ionic* di aras satu dan aras dua;
- e. Bangunan dua (2) tingkat ini dibina daripada batu bata yang mempunyai ketebalan 18 inci dan ketinggian hingga ke aras bumbung di mana ianya menyokong seluruh struktur bumbung. Dinding bangunan Mahkamah Tinggi sedia ada secara amnya menggunakan dinding jenis galas beban. Rasuk yang menyokong aras atas pula adalah daripada bahan keluli;
- f. Bagi jenis kemasan lantai di dalam mahkamah, terdapat dua jenis lantai di dalam bangunan mahkamah ini iaitu lantai jenis konkrit di aras satu dan kayu di aras dua; dan
- g. Reka bentuk bumbung sedia ada dengan kemasan bumbung daripada jenis tanah liat "Peranakan V".

Projek ini dilaksanakan secara Konvensional Perunding dengan kos kontrak asal sebanyak RM17.9 juta. Kerja-kerja telah bermula pada 1 Disember 2021 dan dijangka siap sepenuhnya pada Julai 2024. Kemajuan projek juga amat baik dan telah mencapai kemajuan fizikal sebenar sebanyak 82% berbanding kemajuan jadual iaitu 71%. Pegawai Penguasa Projek adalah Pengarah Kerja Raya Negeri Pulau Pinang dan semua kerja-kerja pembaikan bangunan ini perlu merujuk kepada Akta Warisan Kebangsaan 2005 dengan kelulusan daripada Jabatan Warisan Negara.

Setelah siap, projek ini akan dapat mengembalikan fungsi bangunan Mahkamah Tinggi Pulau Pinang serta memenuhi komitmen Kerajaan terhadap keselesaan dan kesejahteraan pengguna disamping mengekalkan keaslian serta kemasan binaan sebanyak mungkin.

KEMENTERIAN KERJA RAYA
7 MAC 2024